

10/09/2001

iTVista keluar 600,000 kotak TV interaktif

Khairul Anuar Samad

INTERACTIVE Vista Sdn Bhd (iTVista), mensasarkan sebanyak 600,000 unit produk kotak untuk televisyen interaktifnya akan dikeluarkan pada tahun pertama ia diperkenalkan kepada pengguna.

Kotak untuk perkhidmatan televisyen interaktif buatan tempatan itu dijangka diperkenalkan secara rasminya tahun depan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketua Pegawai Eksekutif yang juga Ketua Pegawai Teknologi iTVista, Azli Paat berkata, perancangan syarikat ialah 100,000 unit dikeluarkan pada awal pengenalannya tahun depan dan 500,000 unit tiga bulan kemudian.

Katanya, pada tahun pertama pelancarannya, iTVista dijangka menikmati perolehan sebanyak RM7.5 juta yang mana RM2.5 juta dihasilkan hanya daripada produk itu saja manakala RM5 juta dijangka dipacu daripada pengeluaran kelengkapan tulen.

"Banyak pihak yang menunjukkan minat terhadap produk kotak televisyen interaktif ini dan iTVista bersedia untuk OEM produk itu," katanya kepada Berita Harian, di Kelana Jaya, kelmarin.

Kotak untuk televisyen interaktif ialah satu kelengkapan telekomunikasi canggih yang membolehkan pengguna berinteraksi dengan televisyen biasa di rumah untuk mendapatkan pelbagai maklumat sampingan.

Azli berkata, walaupun ada beberapa syarikat menghasilkan produk televisyen interaktif, iTVista tetap menjadi satu-satunya yang menyediakan perkhidmatan televisyen interaktif yang membolehkan pengguna menonton televisyen dan dalam masa yang sama mencapai Internet menggunakan kaedah gambar atas grafik (POG).

Katanya, sebagai pengenalan, produk itu akan ditumpukan kepada pengguna di Lembah Kelang sebelum ia dikembangkan penggunaannya ke seluruh negara menjelang akhir tahun depan.

Selain menumpukan produk ini kepada pasaran tempatan, iTVista akan mengembangkan penggunaan produk itu kepada negara ketiga atau negara membangun.

"Sasaran negara berkenaan yang dikenal pasti ialah negara jiran rantau ini seperti Indonesia, Thailand dan Filipina di samping benua Afrika yang dikatakan mempunyai pasaran sama dengan Malaysia," katanya.

Katanya, bagi memantapkan produk kotak televisyen interaktif itu, iTVista sepanjang dua tahun lalu sudah membuat pelaburan sebanyak RM1.2 juta dalam pembangunan dan penyelidikannya (R&D).

"Memandangkan produk itu akan ditambah nilai perkhidmatannya di masa depan, iTVista menyediakan peruntukan sebanyak 20 peratus daripada perolehannya kepada R&D," katanya.

(END)